

01/08/1999

Sokongan masyarakat India penting

M Thillinadan; Raihanah Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sokongan masyarakat India kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang amat penting kerana undi mereka dapat memastikan kemenangan BN di kawasan majoriti pengundinya sama ada Melayu atau Cina.

Beliau berkata, undi masyarakat India walaupun bukan majoriti sangat penting kerana lazimnya calon BN (Melayu atau Cina) akan berdepan dengan calon pembangkang daripada kumpulan majoriti yang sama.

"Dalam keadaan ini, undi masyarakat India boleh menjadi undi penentu bagi kemenangan calon BN.

"Begitu juga undi orang Melayu dan Cina penting bagi menjamin kemenangan calon BN daripada MIC kerana kaum India tidak mempunyai satupun kawasan yang majoriti penduduknya daripada kaum itu," katanya berucap di majlis perasmian Perhimpunan Agung MIC ke-53 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Turut hadir timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik Presiden; Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Leo Moggie; dan Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Dr Mahathir berharap semua pengundi masyarakat India akan menyokong MIC dan calon BN yang lain dalam pilihan raya umum akan datang.

"Tiada lagi pilihan bagi masyarakat India Malaysia selain BN untuk memperjuangkan aspirasi dan harapan serta nasib anak cucu mereka pada masa depan di bumi bertuah ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, parti lawan bukan pilihan kaum India kerana mereka tidak bersepakat dan hanya mewujudkan pakatan menjelang pilihan raya umum dan selepas pilihan raya, parti pembangkang akan berpecah dan membawa diri.

"Parti pembangkang bukan pilihan kerana mereka sudah menunjukkan sikap tidak toleran terhadap orang lain walaupun mereka mahu kerajaan BN bersikap liberal.

"Mereka juga berjanji akan tutup semua akhbar, radio dan televisyen, termasuk beberapa akhbar Tamil yang tidak menyokong mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, jelas daripada kenyataan mereka, kerajaan parti pembangkang akan menjadi kerajaan diktator yang tidak membenarkan kebebasan bersuara dan mengadakan akhbar parti lawan.

Katanya, semua pihak tahu DAP umpama milik Lim Kit Siang dan keluarganya dan tidak ada sesiapa pun yang boleh menentangnya dan dinasti Lim akan mengetuai DAP selama-lamanya.

"Kaum India yang ada dalam DAP hanya boleh kekal jika menyokong Kit Siang, bukan negara, bukan parti DAP tetapi Kit Siang yang penting. Saya harap kaum India tidak terpedaya dengan janji DAP dan pakatan pembangkang," katanya.

Menurutnya, ini berbeza dengan BN, kerana semua usaha dan programnya diuruskan ke arah keadilan sosial, ekonomi dan politik dengan mengambil kira kepentingan semua kaum.

Dr Mahathir turut berterima kasih kepada Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu kerana kepemimpinannya yang cemerlang dalam menerajui parti itu dan mengukuhkan perpaduan anggotanya.

Katanya, Samy Vellu bukan seorang ahli politik yang mudah ditandingi kerana beliau berani, lantang dan tidak segan silu menyatakan pendapatnya secara berterus terang walaupun kadangkala menimbulkan kontroversi.

"Walaupun MIC hanya mempunyai seorang menteri dalam Kabinet tetapi Samy Vellu tetap memperdengarkan suaranya membela nasib keturunan India dalam setiap mesyuarat Kabinet dan berjumpa saya apabila mesyuarat tamat untuk berbincang lagi masalah kaum India," katanya.

Menurutnya, kini banyak profesional adalah daripada kaum India dan perkembangan ahli profesional kumpulan etnik itu antara 1995-1997 menunjukkan peningkatan.

Beliau berkata, peratusan bagi kumpulan etnik India dalam bidang profesional mencapai 23.4 peratus (jurutera), 12.1 peratus (doktor) dan 11.1 peratus (peguam).

Katanya, peningkatan itu menunjukkan kerajaan BN memberi peluang yang luas kepada kaum India untuk berjaya dalam bidang diminati.

(END)